

04/03/1997

Usah perkecil pakar tempatan

Nasir Abd Wahab

PENGANJUR Le Tour de Langkawi (LTDL) '97 harus membuka pintu rundingan lebih mesra dengan anak tempatan yang lebih berpengalaman jika mahukan kelancaran dalam semua aspek perlumbaan jelajah itu tahun depan.

Hakikatnya, ramai pegawai tempatan masih merungut dengan cara layanan kurang saksama pengurusan First Cartel (M) Sdn Bhd.

Secara terus terang, penganjur harus menghadkan jumlah tenaga pakar luar negara kerana dalam jelajah kali ini, banyak berlaku pertindihan tugas antara pegawai tempatan yang dilantik dengan petugas seberang laut.

Petugas asing dikatakan 'merampas kuasa' secara hormat menyebabkan banyak kejadian mendenda pasukan melanggar peraturan yang diputuskan pengadil tempatan akhirnya dibatalkan oleh pegawai asing.

Kejadian itu dianggap luar biasa dan tidak menghormati kepakaran dan tugas pegadil tempatan.

Keadaan itu perlu dibendung dengan sebaiknya kerana mutu perlumbaan LTDL akan terus merosot andainya kebanyakan kejadian melanggar peraturan ditarik balik sewenang-wenangnya.

Ketua hakim LTDL, Ibrahim Omar, nyata kesal dengan banyak kejadian seperti itu yang dianggapnya gejala tidak sihat yang boleh merosakkan imej LTDL pada masa depan.

Menurutnya, kejohanan itu tidak bernilai langsung andainya setiap peraturan hakiki tidak dipatuhi sambil pegawai asing dengan mudah memberitahu bahawa keputusan menarik semula sesuatu hukuman ke atas pelumba dan pasukan disebabkan pegawai pasukan itu kurang memahami peraturan perlumbaan.

Alasan dangkal itu sengaja dicipta ketika mereka sendiri melihat kebanyakan pegawai tempatan tidak diberi kuasa menjalankan tindakan, sedangkan perlumbaan itu diadakan di tanah air sendiri.

Aspek kedua terpenting yang perlu ditangani secepat mungkin ialah jumlah petugas musim depan.

Sebagai bandingan, Tour de France hanya menggunakan 250 petugas profesional yang mampu mengharungi 23 peringkat perlumbaan tanpa sebarang masalah.

Jumlah yang ramai itu jelas bukan faktor mutlak untuk menjayakan sesuatu perlumbaan pada masa depan.

Selain itu, penganjur perlu bijak dan pantas mengawal kos penganjuran agar jumlah RM15 juta tidak terus meningkat.

Penganjur hanya perlu mengundang pasukan ikhlas mahu bertanding datang ke Malaysia, selain mewajibkan mereka membayar kos pengangkutan ketika berada di negara ini.

Layanan sebegitu perlu, kerana pasukan Malaysia belum pernah diundang secara percuma menyertai kejohanan seberang laut.

Bahkan, peraturan di negara luar lebih ketat. Setiap pengurus pasukan perlu dikenakan deposit untuk menjamin setiap jenis kenderaan yang mereka naiki tidak diperlakukan seperti barangan mainan atau menilai kereta buatan Malaysia seperti besi buruk.

Apa gunanya mengundang pasukan biadab bertanding ke negara ini? Adakah kedatangan mereka cukup menggambarkan gahnya imej LTDL?

Jika penganjur terus-terusan mengharapkan pasukan ternama itu datang dengan segalanya bayaran diberikan, termasuk yuran penampilan yang tinggi, mereka pasti mengulangi lagak dan menunjukkan belang kekuasaan mereka sehingga dengan mudah mengancam menarik diri daripada perlumbaan.

Pasukan Post Swiss langsung tidak menghormati Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila mereka dengan selamba saja memohon maaf untuk pulang awal dan tidak dapat meneruskan perlumbaan peringkat terakhir di Pulau Langkawi, kelmarin.

Yang peliknya, mereka memberi alasan tiket penerbangan sudah ditempah awal dan di sini, First Cartellah yang perlu dipersalahkan kerana merekalah yang membekalkan tiket penerbangan, sedangkan mereka sedar perlumbaan itu masih berlangsung satu peringkat lagi.

(END)